

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JANUARI 2024  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4

## Ramai tidak sabar kemas kini PADU

### Ramai tidak sabar kemas kini PADU

**PETALING JAYA:** Sebaik dilancarkan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) mengalami masalah teknikal kerana terlalu penganjung 'menyerbu' laman sesawang itu untuk melakukan kemas kini.

Ramai yang teruja untuk mengetahui butiran direkodkan PADU.

Pada mula pembukaan, portal berkenaan menolak pendaftaran cuba dibuat atas sebab antaranya poskod dimasukkan tidak sama dengan maklumat dalam MyKad.

Selain itu, laman web tersebut juga kemudian tergendala beberapa minit dengan tertera notis 'Harap Maaf. Sistem sedang mengalami jumlah trafik yang tinggi. Cuba semula sebentar lagi.'

Gangguan teknikal laman web itu turut dipercayai mempunyai kaitan dengan tawaran kerajaan kad NFC Touch 'n Go percuma kepada 3,000 pendaftar pertama PADU.

Tinjauan mendapati ramai menyokong PADU berbanding yang menolak kerana berpendapat subsidi sepatutnya diberikan untuk golongan memerlukan.

Pekerja sebuah firma guaman, Nasrul Aiman Mahazir, 24, berkata, menerusi PADU, kerajaan boleh menghentikan pertindihan bantuan kerajaan dan kerajaan negeri.

"Bayangkan dalam satu keluarga ada empat orang dan setiap seorang menerima dua sampai tiga bantuan kerajaan, kalau empat orang menerimanya adilkah?" kata Nasrul.

Seorang usahawan, Jaspall Singh Surtar Singh, 55, berkata, dengan adanya PADU stok barangan bersubsidi boleh dikawal dan dibeli kumpulan sasaran.

Kata beliau, tanpa satu sistem yang cekap, kerajaan terpaksa

#### GARIS MASA PELAKSANAAN PADU

##### JUN - DISEMBER 2023

- Pembangunan sistem PADU

##### JAN-MAC 2024

- Proses kemas kini oleh rakyat

##### APRIL - MEI 2024

- Penentuan mekanisme dan penerima sasaran

##### JUN - JULAI 2024

- Pengoperasian PADU
- Pelaksanaan subsidi bersasar dimulakan



**Bayangkan dalam satu keluarga ada empat orang dan setiap seorang menerima dua sampai tiga bantuan kerajaan, kalau empat orang menerimanya adilkah?"**

#### NASRUL

menanggung rugi kerana subsidi turut dinikmati orang kaya.

Turut menyambut baik PADU ialah peniaga gerai makan, Sarina Salleh, 45, berkata, dia yakin PADU akan mengubah negara ke arah lebih sistematik.

"Cuma kerajaan kena tengok keselamatan PADU kerana risau terdapat penipuan," kata Sarina.